

**TAKOR AKAR**  
Blue-eared Barbet

FAMILI: Megalaimidae  
NAMA SAINTIFIK: *Megalaima australis*



**CIRI-CIRI:** Burung dewasa mempunyai saiz yang kecil, bahagian dahi yang berwarna hitam, bahagian pipi terdapat tompokan berwarna oren kemerahan, bahagian telinga berwarna merah di bahagian atas dengan tompokan biru di bahagian bawahnya. Diperhatikan bahagian tekak berwarna biru dengan jalur-jalur hitam yang halus manakala bahagian belakang kepala berwarna hijau. *M.a.duvaucellii* (Semenanjung Malaysia) mempunyai bahagian telinga berwarna hitam dengan tompokan merah yang lebih besar di atas telinga. Bahagian pipi berwarna merah dan bahagian atas dada terdapat jalur-jalur yang tebal. Bagi burung betina, warna di bahagian kepala agak lusuh berbanding burung jantan manakala burung juvenil, keseluruhan badan berwarna hijau pudar.

**SAIZ:** Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah di antara 17.0 - 18.0 sm.

**MAKANAN:** Buah buahan, bijian dan bunga.

**HABITAT:** Spesies ini boleh dijumpai di hutan dipterokap dan hutan sekunder. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 1.525 m dari aras laut (di bawah 975 m dari aras laut di Semenanjung Malaysia).

**BUNYI:** Burung ini mengeluarkan bunyi kawalan kawasan **ko-tek** yang kuat dan berulang dan juga **pleow**.

**PEMBIAKAN:** Musim membiak bagi spesies ini adalah dari bulan Januari hingga bulan Ogos pada setiap tahun. Sarang di bina pada rongga pokok dan ketinggian sarang adalah dari 3- 12m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 2-4 biji telur yang berwarna putih pada setiap kali ianya bertelur. Anggaran saiz telur 24.5 x 18.3 mm.

**STATUS:** Akta 76/72, dipelihara